

## **BAB KEDUA**

### **SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ANALISIS WACANA**

#### **2.0. Pengenalan**

Analisis wacana sebenarnya telah melalui beberapa proses perkembangan semenjak ia mula muncul lebih daripada 2000 tahun yang lalu. Bidang yang mendapat perhatian ketika itu dikenali sebagai seni berbicara “*public speech*”. (Van Dijk, T.A. 1985:1). Konsep Analisis Wacana yang diperkatakan oleh kebanyakan sarjana bahasa masih samar untuk mudah difahami secara umum. Walaupun begitu bagi sesetengah pendapat, istilah “*analisis wacana*” sebenarnya telah diperkenalkan buat pertama kali oleh Zellig S. Harris pada tahun 1952 melalui artikelnya yang berjudul “*Discourse Analysis*” dalam jurnal *Language* 28 (1 – 30, 474 – 94). (Asmah Hj. Omar, 1980:14)

Menurut sesetengah sarjana bahasa analisis wacana mula tumbuh di Great Britain dengan aliran Firth yang berpokok pangkal pada konsep bahasa-bahasa “*Malinowski*” tentang hubungan bahasa dengan masyarakat. Kemuncaknya ialah “*teori makna dan konteks*” yang diutarakan olehnya, yang mendakwa bahawa sesuatu tutur atau percakapan itu diperolehi maknanya bukan daripada hubungan akal di antara idea-idea yang diwujudkan oleh kata-kata, tetapi daripada hubungannya dengan konteks situasi yang melatarinya. (Asmah Hj. Omar, 1980: 14).

Wacana boleh dikaitkan sebagai satu peristiwa bahasa. Ini adalah kerana ia melibatkan kegiatan bahasa yang melibatkan watak, latar, saluran komunikasi, kandungan

dan struktur yang terdapat padanya. Sebelum sesuatu analisis wacana dibuat, beberapa perkara pokok yang disebut di atas perlu diambil kira, kerana wacana boleh bersifat interaktif atau sebaliknya. Wacana cerita umpamanya lebih bersifat “*monolog*” kerana ia disampaikan melalui lisan seperti pidato dan khutbah. (Asmah Hj. Omar, 1995: 1). Walaupun begitu sekiranya wacana yang disampaikan itu berbentuk cakap ajuk, ia bersifat interaktif.

## **2.1. Definisi Wacana**

Wacana boleh ditakrifkan kepada beberapa definisi sebagaimana yang diutarakan oleh para sarjana linguistik. Dari aspek bahasa wacana adalah satu ucapan, perkataan, bunyi suara dan ujaran. (Zoetmulder, 1982: 2160) . Wacana juga boleh ditakrifkan kepada tiga pengertian:

- i. ucapan, perkataan dan tutur.
- ii. Keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan.
- iii. Satuan bahasa yang terlengkap dan ianya jelas pada bentuk karangan yang utuh seperti pidato, khutbah dan sebagainya.

Kamus Dewan mentakrifkan wacana sebagai:

- i. keseluruhan tutur yang merupakan suatu kasatuan, ucapan, pertuturan dan percakapan.
- ii. Kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan (seperti pidato dan khutbah) atau tulisan (seperti surat, artikel, novel dan cerpen)

Menurut Henry Guntur Tarigan (1995: 27), wacana mempunyai laman prinsip dasar iaitu: satuan bahasa, terlengkap/terbesar, di atas ayat/klausa, teratur rapi, berkesinambungan, rasa kohesi, lisan/tulisan, awalan dan akhiran yang nyata. Inilah yang dikatakan hakikat wacana. Terdapat lima jenis wacana, iaitu penceritaan (narasi), konversasi, pendedahan (eksposisi), deklamasi dan puisi. Wacana yang berbentuk penceritaan terdiri daripada lima unsur iaitu: ringkasan, jalan masuk, wisata, ringkasan/penutup dan penilaian. (Henry Guntur Tarigan: 1995: 28).

Wacana adalah satuan bahasa yang lengkap dan tertinggi atau terbesar di atas perkataan atau klausa dengan koheransi dan kohensi tinggi yang berkesinambungan serta mempunyai awalan dan akhiran yang nyata disampaikan secara lisan atau bertulis. Jesteru, wacana dapat dilihat dan dinilai melalui teks yang disampaikan.

Menurut Harimurti Kridalaksana dalam *Kamus Linguistik* (1984), wacana adalah:

*“Satuan bahasa yang terlengkap, dalam hieraki gramatikal tertinggi atau terbesar. Satuan bahasa bukanlah kata atau kalimat sebagaimana yang dianggap oleh beberapa orang. Oleh sebab itu penyelidikan dan diskripsi sintaksis tidak boleh dibatasi pada satuan kalimat, melainkan harus dilanjutkan. Kesatuan-kesatuan yang lebih besar seperti dialog, perenggan, bab dan seterusnya sampai ke wacana”.*

(<http://www.geocities.com/Athens/Agora/3631/pro5tekst.html>)

Oleh kerana sifatnya yang lengkap, wacana mempunyai tubuh teks seperti berikut:

- i. Pendahuluan
- ii. Tubuh, isi, munasabah, logik dan mempunyai unsur-unsur paralinguistik seperti tanda bacaan, cetakan, garisan dan sebagainya.

- iii. Penutup.
- iv. Graf, jadual, peta dan statistik.

Wacana boleh ditulis dalam berbagai bentuk penulisan, iaitu sama ada pemerian “*naratif*”, penggambaran “*deskriptif*”, pendedahan “*eksposisi*”, atau penghujahan. Wacana juga mempunyai penanda yang juga dikenali sebagai penanda wacana. Menurut Halliday, laras bahasa yang selalu digunakan terbahagi kepada tiga dimensi utama iaitu:

### **i. Tajuk wacana**

Tajuk wacana merujuk kepada bidang yang diperkatakan seperti biologi, perubatan, matematik dan sebagainya. Kesemua bidang-bidang ini menentukan kosa kata dan istilah serta jenis ayat dan ragam ayat yang digunakan. Jika wacana itu berbentuk ilmiah, maka ragam ayat pasif banyak digunakan untuk memberikan lebih fokus kepada perkara yang dibincangkan. Sebaliknya, jika wacana merupakan ulasan selari perlawanan bola sepak, ragam ayat aktif dengan ayat tunggal yang pendek-pendek banyak digunakan supaya ianya sesuai dengan tempo perlawanan bola sepak berkenaan.

Dalam konteks wacana al-Quran, ia diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) dengan perantaraan Malaikat Jibril mengikut keadaan dan situasi serta peristiwa yang berlaku. Setiap ayat yang diturunkan adalah mengikut sebab-sebab penurunan yang tertentu dan ia adalah salah satu hikmah dalam penurunan hukum syariat. (Zarkashiyy, t.t.: 22) Sebab-sebab penurunan yang berdasarkan sesuatu peristiwa dan keadaan merupakan tajuk wacana sesuatu ayat itu diturunkan.

## **ii. Cara Penyampaian**

Cara penyampaian sesuatu wacana berbeza antara lisan ataupun tulisan. Wacana syarahan, khutbah, perbahasan, perbualan, penceritaan dan sebagainya berbeza di antara satu dengan yang lain dari sudut cara penyampaiannya. Begitulah halnya dengan wacana berbentuk tulisan, sama ada ianya berbentuk esei, laporan, surat, memorandum, iklan dan sebagainya.

Wacana al-Quran tidak dapat disamakan dengan wacana bahasa biasa. Al-Quran adalah “*Kalam al-Allah*” yang azali dan ianya tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pendita ataupun sasterawan sama ada di kalangan jin mahupun manusia. Cara penyampaian al-Quran berbeza dengan penyampaian bahasa manusia. Manusia hanya boleh membaca dalam bentuk suara, lafaz dan sebutan tetapi hakikat sebenar al-Quran tidak dapat dijangkau oleh akal. Ianya boleh ditulis dalam huruf-huruf “*hija’iyyat*” dalam bentuk atau “*Rasm ‘Uthmaniyy*”.

Bentuk dan pola tulisan *rasm ‘uthmaniyy* tidak sama dengan kaedah penulisan bahasa Arab standard dan ia lebih bersifat *tawqifiyy* (ketentuan secara mutlak dari Allah) memandangkan penulis-penulis wahyu di zaman Nabi adalah terdiri di kalangan mereka yang dipercayai dan diyakini kesahihannya. Pola penulisan teks al-Qur’an bukan merupakan ijthad para sahabat. (Muhammad Tahir ‘Abd al-Qa:dir, 1953: 127).

## **iii. Gaya Penyampaian**

Dalam menyampaikan sesuatu wacana sama ada ianya berbentuk lisan mahupun

tulisan, perlu diseimbangi dalam situasi formal atau bukan formal, sebagai contoh, ucapan yang disampaikan dalam majlis yang formal seperti majlis perasmian yang dihadiri oleh dif-dif dan orang-orang kenamaan,

([http://www.tutor.com.my/stpm/laras\\_bahasa.htm](http://www.tutor.com.my/stpm/laras_bahasa.htm))

Penggunaan gaya yang sesuai dalam penyampaian sesuatu wacana merupakan faktor penting yang menyumbang kepada keberkesanannya. Menurut interpretasi yang umum, perkataan “*gaya*” tidak mempunyai erti yang kontroversi: merujuk kepada cara penggunaan bahasa pada konteks dan tujuan tertentu. Gaya boleh dikaitkan dengan variasi bahasa lisan dan tulisan, sastera atau bukan sastera. (Geoffrey N. Leech and Michael H. Short, 1993: 3 – 4).

Dalam pengkajian sesuatu teks, aspek gaya dapat dikaji secara terperinci. Sesuatu teks, sama ada seluruh karya atau hanya petikan, adalah menjadi bahan terbaik untuk mendapatkan penggunaan bahasa yang seragam dan tertentu, dan ia juga sebagai titik tolak yang paling tepat untuk mempelajari gaya penyampaian.

### **2.1.1. Batasan Wacana**

Wacana mempunyai batasan yang tertentu yang boleh dijadikan pegangan oleh para penyelidik bahasa. Keterangan tentang wacana atau *discourse* ini dapat dilihat kepada asal kata “*discourse*” yang diambil daripada bahasa Latin “*dicursus*” yang membawa maksud *lari kian-kemari*” (yang diturunkan dari *dis-* ‘dari, dalam arah yang berbeza’, dan *curre*’ bererti lari). Dalam pengertian yang luas, wacana adalah rentangan


ujaran yang berkesinambungan dan iainya tidak hanya terdiri daripada ayat yang gramatis lagi tersusun rapi. (Carlson, 1983: xiii –xiv). Manakala analisis wacana merupakan *telaah* tentang aneka fungsi (pragmatik) bahasa. Melalui wacana manusia dapat berkomunikasi dalam hal-hal seperti berikut:

- (a) Menyapa atau menegur.
- (b) Meminta dan memohon.
- (c) Menyetujui dan menyepakati
- (d) Bertanya dan meminta keterangan.
- (e) Meyakinkan.
- (f) Menyuruh dan meminta.
- (g) Mengkritik dan memberi komen.
- (h) Memaafkan, mengampuni dan sebagainya. (Brown, 1980 : 189 – 190).

Unit yang terkandung dalam sesuatu wacana adalah unit alamiah dengan permulaan dan akhiran yang nyata, serta sejumlah struktur dalaman. (Linde, 1981: 85). Unit-unit yang mempunyai struktur dalaman ini apabila dikaji, ternyata sama teratur dengan struktur ayat. Ia juga dibentuk oleh sejumlah prinsip kepaduan yang rasmi dan bersifat kultural, termasuk pengaturan kala atau waktu, struktur pohon, dan keseluruhan jaringan asumsi asumsi sosial tentang cara, kewujudan hal-hal dan cara iainya menjelma atau muncul. (Linde, 1981 : 113).

Batasan wacana tidak terhenti setakat itu sahaja, malah ianya juga merupakan suatu peristiwa bahasa yang mempunyai struktur yang dimanifestasikan dalam perilaku linguistik, sedangkan teks adalah suatu urutan ekspresi linguistik yang mempunyai struktur dan membentuk suatu keseluruhan yang padu atau unit. (Edmonson, 1981 : 4).

Untuk menjelaskan lagi batasan wacana yang lebih tepat, perlu dirujuk kepada unsur-unsur atau ciri-ciri yang terdapat dalam wacana sebagaimana yang diberikan oleh ahli linguistik.




**Gambarajah 3: Hakikat Wacana**

### **2.1.2. Struktur Wacana**

Dalam batasan wacana yang dijelaskan sebelum ini ada satu frasa menyebutkan:  
*“satuan bahasa yang terlengkap dan tertinggi atau terbesar mengatasi ayat atau klausa”*



Kalau diperhatikan, ianya mempunyai urutan daripada yang terkecil hingga terbesar, dan ia boleh diperhatikan seperti rajah di bawah :




**Gambarajah 4 : Hirarki Satuan-satuan Bahasa.**

Daripada gambarajah di atas dapat diperhatikan bahawa wacana itu adalah berbentuk sempurna (*well-formed*) sifatnya. Wacana yang baik, jelas dan wajar mempunyai kepaduan dan kesatuannya.

Pada dasarnya, unit wacana merupakan unit alamiah “*universal*” dengan awalan dan akhiran, atau permulaan dan penutup serta memiliki jumlah struktur dalaman yang mencukupi. Dalam wacana penceritaan, seringkali dimulai dengan beberapa klausa yang merangkumi seluruh cerita yang merupakan abstrak. Kemudian disusuli dengan memperkenalkan tokoh, waktu atau kala, tempat dan kegiatan atau peristiwa yang berlaku, atau lebih dikenali dengan *orientasi*. Akhirnya cerita ditutup atau ditamatkan dengan suatu kod yang merupakan suatu tanda bahawa cerita itu telah tamat atau berakhir. (Henry Guntur Tarigan, 1995: 41)

Wacana penceritaan juga kelihatan lebih ideal, kerana ia mempunyai daya kohesi yang amat besar dalam suatu interaksi. Sesungguhnya sesuatu proses penceritaan itu mengandungi pembuka, pertengahan dan juga penutup.



**Gambarajah 5: Struktur Wacana Cerita Ideal**

### 2.1.3. Situasi Wacana

Bahasa adalah wahana komunikasi yang digunakan seseorang untuk menyampaikan amanat kepada seorang yang lain untuk berbagai-bagai tujuan seperti memberitahu, memerintah, memujuk dan meyakinkan. Cara amanat yang digunakan untuk mencapai tujuan itu, dalam situasi bahasa sehari-hari, dinamakan sebagai *retorik wacana*. Secara tipikal, ada tiga faktor yang menentukan situasi wacana lisan, iaitu: pengucap, amanat dan pendengar. (Geoffrey N. Leech and Michael H. Short, 1993: 245).

#### KONTEKS SITUASI TEMPAT BERLAKUNYA WACANA

Pengucap → Amanat → Pendengar

**Gambarajah 6: Faktor situasi wacana lisan**

Dalam rajah 6 di atas, penghasilan dan penerimaan amanat lisan biasanya berlaku dalam satu konteks waktu dan ruang. Gaya berbicara secara langsung kepada pembaca secara formal dibezakan daripada bahagian teks yang lain, bukan hanya penggunaan retorik, tetapi juga oleh perubahan masa, dari masa lampau kepada masa kini yang *generik* dan tanpa masa.

#### **2.1.4. Teknik Wacana Cerita**

Wacana cerita mempunyai pelbagai teknik supaya sesuatu cerita yang hendak disampaikan dapat memberi kesan kepada pembaca ataupun pendengar. Cerita yang disampaikan adalah berdasarkan sesuatu peristiwa atau kejadian yang berlaku. Cerita yang dibawa itu boleh merupakan pengalaman peribadi atau cerita yang didapati daripada orang lain secara pendengaran atau pembacaan. Teknik bercerita yang merupakan ulangan cerita orang atau cerita yang dibaca, lebih merupakan teknik pembahasan yang lain, misalnya persidangan atau forum keagamaan. Sering dalam forum-forum keagamaan teknik ini digunakan, terutama sekali dengan membawa cerita –cerita Nabi Muhammad (s.a.w) dan nabi-nabi yang lain serta para sahabat. Cerita-cerita seperti ini memberi gambaran yang jelas tentang teladan yang perlu dicontohi, di samping memperkuat hujah yang diutarakan. (Asmah Haji Omar, 2000: 67 –68)

Dalam menyampaikan sesuatu cerita, penggunaan bunga bahasa perlu diutamakan. Yang dimaksudkan dengan bunga bahasa adalah kata-kata, ungkapan-ungkapan atau tutur yang memberi keindahan kepada proses penggunaan bahasa. Ini boleh merupakan kiasan, metafora, pepatah, permainan kata, sinonim dan antonim. (Asmah Haji Omar, 2000: 70)

Penggunaan kiasan umpamanya meliputi ungkapan-ungkapan yang menggunakan kata perbandingan seperti “macam, umpama, seperti, bagai, bak” dan seterusnya. Dalam al-Quran, ciri-ciri balaghah dan fasahah yang unggul, menampakkan lagi bukti

kemukjizatnya. Penggunaan lafaz dan susunan bahasa yang indah diceriakan dengan aspek ilmu al-Baya:n, al-Ma'a:ni dan al-Badi:'. (al-Zarkashiyy, t.t.: 311).

Menurut Abd. Al-Ghaniy Muhammad Sa'd Baraka:t, (1989: 69) di antara ciri-ciri kemukjizatan al-Quran adalah, ia diturunkan dalam bahasa yang paling fasih, sebaik-baik susunan lafaz dan sebutan dan makna yang paling jelas dan tepat.

Manakala penggunaan metafora menunjukkan pemberian nama kepada sesuatu atau seseorang dengan ciri-ciri yang diambil dari benda lain. Antara metafora yang sering digunakan seperti :

- Pengecut (penakut)
- Kaki botol (orang yang kuat minum arak)
- Projek raksasa (projek yang sangat besar)
- Dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya, wacana cerita mempunyai teknik yang tertentu supaya apa yang disampaikan lebih memberi kesan.

## **2.2. Latar Sejarah Analisis Wacana**

Walaupun analisis wacana tumbuh untuk sekian lama, analisis ini terpendam begitu sahaja di negara-negara Barat seperti Amerika Syarikat dan Britain kerana popularitinya yang tidak terserlah. Ini adalah akibat daripada popularnya aliran-aliran lain, terutama sekali Aliran Tranformasi Generatif yang mendapat tumpuan dalam tahun enam puluhan. Ahli-ahli linguistik Amerika, baik daripada Aliran Linguistik Struktural

mahupun daripada Aliran Tranformasi Generatif memusatkan perhatian mereka khusus kepada hal-hal yang berkaitan fonologi dan tata bahasa pada peringkat klausa dan ayat.

Pengkajian makna juga dibataskan kepada pengkajian makna dalam ayat, sedangkan maksud yang lebih besar daripada itu atau dalam konteks situasi yang bersifat bukan verbal tidak dihiraukan. Selain itu, aliran linguistik tranformasi seakan-akan mempunyai satu tanggapan palsu bahawa bahasa adalah seragam dalam strukturnya dan struktur yang seragam ini terdapat dalam *kecekapan berbahasa* (competence) yang dikatakan ada pada semua penutur asli bahasa berkenaan. (J. Mch. Sinclair and R.M. Coulthard, 1975: 1).

Manakala ahli linguistik Britain, khususnya Aliran London, sejak mendapat asas daripada Firth, tidak pernah berhenti membuat penyelidikan tentang fungsi bahasa dan susun atur unit-unit bahasa yang lebih tinggi daripada taraf klausa dan ayat. Di antara ahli-ahli linguistik Britain yang terkemuka yang memperjuangkan teori Firth tentang fungsi bahasa dalam konteks termasuklah M.A.K Halliday. Beliau mempertahankan pendapat bahawa sifat dan struktur bahasa mempunyai hubungan dengan fungsi bahasa, seperti yang dilafazkan oleh penutur-penuturnya, dan fungsi-fungsi tersebut berkaitan dengan kebudayaan alam bahasa itu sendiri. Dengan itu, huraian struktur sesuatu bahasa, hendaklah dikaitkan dengan konteksnya dalam masyarakat.

Menurut Halliday (1970: 141) dengan mengolah sistem dan fungsi bahasa secara serentak, dapat dijelaskan bentuk dan struktur yang terdapat dalam bahasa. Dengan itu, tatabahasa tidaklah lain daripada sistem pilihan yang sedia ada dalam bahasa. Dengan itu

wujudlah sesuatu lakuan bahasa “*speech act*” dan penutur atau penulis boleh membuat pilihannya dalam konteks situasi bahasa.

Dalam situasi analisis wacana teks al-Quran, pilihannya boleh merupakan pernyataan “*al-Khabar*”, suruhan “*al-Amr*”, pertanyaan “*al-Istifha:m*”, dan sebagainya. Semua pembahasan ini, dijelaskan dalam ‘*Ilmu al-Bala:ghat*’ yang mempunyai tiga cabang iaitu ‘*Ilm al-Baya:n*, ‘*Ilm al-Ma‘a:ni* dan ‘*Ilm al-Badi:*’.

Dalam perbincangan retorik pada peringkat awalnya, ahli linguistik Barat meneliti prinsip merancang, menyusun, dan operasi khusus berbicara di hadapan khalayak ramai “*public speaking*” berlatarkan politik dan perundangan. Pada abad pertengahan retorik dikatakan mencapai masa kemuncaknya, tetapi pada abad-abad berikutnya ( iaitu pada abad 17 dan 18) retorik didapati kurang menyerlah. (Wong Khok Seng, 1995: 8).

Fries pernah cuba membuat analisis wacana berdasarkan skop yang terbatas ke atas kajian perbualan talipon. Walaupun beliau cuba melihat aspek hubungan antara ayat dengan penyebaran jenis-jenis ayat dalam sesuatu perbualan, akan tetapi beliau tidak mengemukakan sebarang kerangka atau skema teoritis terhadap analisis teks.

### **2.3. Perkembangan Analisis Wacana Di Malaysia**

Analisis wacana bahasa Melayu mula diperkatakan oleh para linguistik tempatan pada tahun 1966 oleh Yunus Maris dalam sebuah rencana linguistik yang bertajuk “*Keperihaln Keadaan: Satu Teknik Menganalisis Makna*”. Tajuk ini membawa maksud keperihaln sesuatu bahasa yang dituturkan oleh masyarakat penutur dikatakan tepat dan

bersabitan dengan benda-benda, keadaan-keadaan dan perkara-perkara yang dilakukan oleh mereka.

Setelah lebih sepuluh tahun, terbit pula sebuah artikel yang menggunakan pendekatan wacana untuk memerikan bahasa Melayu. Artikel yang berjudul “*Keutuhan Wacana*” dalam jurnal Dewan Bahasa oleh Harimurti Kridalaksana (1978:508). Artikel ini mengatakan bahawa aspek keutuhan wacana ialah aspek yang sangat penting, kerana dengan melihat unsur-unsur bahasa yang ada, ahli bahasa dapat menandai adakah yang dihadapinya itu sebuah wacana atau hanya kumpulan ayat yang tidak teratur.

Berdasarkan keutuhan wacana, para penyelidik dapat pula memahami hubungan bahasa dengan alam luar secara lebih mendalam. (Harimurti Kridalaksana, 1978: 508). Setahun kemudian Lutfi Abas (1979) pula menerbitkan sebuah artikel yang berjudul “*Analisis Wacana Sebuah Cerpen*”. Seterusnya beliau telah menghasilkan sebuah lagi artikel yang berkesinambungan dengan artikel yang pertama iaitu “*Keindahan Sastera Melalui Analisis Wacana*”. Walau bagaimana pun, usaha yang dihasilkan ini bukanlah benar-benar berlandaskan nahu wacana tetapi lebih kepada aspek stilistik.

Di antara artikel yang mengaitkkan secara langsung analisis wacana dengan bahasa Melayu, ialah artikel Asmah Haji Omar (1980 a,b) yang berjudul *Analisis Wacana*” yang diterbitkan dalam dua bahagian dalam jurnal Dewan Bahasa. Secara umumnya Asmah Haji Omar telah menerapkan kaedah wacana yang dikemukakan oleh Sinclair dan Coulthard untuk memerihalkan struktur perbualan dalam teks dialog bahasa Melayu. (Asmah Haji Omar, 1980: 11 – 25). Seterusnya Asmah Haji Omar meneruskan

pengkajiannya dalam aspek wacana menerusi dua karyanya mengenai wacana yang memang hebat diperkatakan di Malaysia dewasa ini. Beliau telah menerbitkan dua buah karya yang terlibat secara langsung dengan wacana bahasa Melayu, pertama melalui bukunya *Wacana Temuduga Dan Wawancara* (1995) dan kedua yang terkini ialah *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. (2000).

Di Fakulti Bahasa Dan Linguistik terdapat beberapa buah kajian PhD mengenai wacana.

Antaranya:

- i. *“An Analysis of the Thematic Structure and System of Logical Relations in English and Malay Expository Texts”* oleh Abdul Aziz Idris (1982),
- ii. *“Discourse Syntax of Yang in Malay (Bahasa Malaysia)”* oleh Azhar M. Simin (1983).
- iii. *“Prosody In Malay Discourse An Analysis of Broadcast Interview”* oleh Zuraidah Mohd Don (1996) .
- iv *“A Critical Discourse Analysis of The Speech of Dr. Mahathir Mohamad”* oleh Kamila Ghazali (1999).
- v. *“Wacana Berita Sukan Dalam Akhbar Bahasa Melayu: Satu Analisis Makrostruktur Semantik”* oleh Tan Joo Seng (1995)
- vi. *“Wacana: Satu Analisis Terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad”* oleh Idris Bin Aman (2001)



Di samping itu terdapat beberapa buah kajian yang dijalankan oleh pengkaji di *Kulliyah Of Islamic Revealed Knowledge And Human Science, International Islamic University, Malaysia* yang menyentuh aspek wacana antaranya seperti berikut:

- i. *“Language And Power : An Analysis Of Management Discourse In Journalistic Writing”* oleh Afida Mohamad Ali (2000). Tesis ini membincang dan menganalisis 10 buah makalah yang dipetik dari *“The World Executives Digest”* di mana kajian ini difokuskan kepada isu pengurusan berpandukan analisis wacana kritikan yang diutarakan oleh Fairclough (1989).
- ii. *“A Comparative Study Of The Of Discourse Device In Short Stories And Journalistic Writing”* oleh Mahdalela Binti Rahim (2002). Tesis ini menyentuh aspek wacana cerpen dan hasil penulisan para wartawan dengan tujuan menghasilkan teks-teks yang layak dibaca oleh masyarakat umum.
- iii. *“Al-I‘lamiyyah ab‘aduha: wa atharuha: Fi Talaqqa al-Na:s : Dira:sat Nazariyyat Tahliliyyat”* oleh Muhammad ‘Abd al-Rahma:n Ibrahi:m (2007). Tesis ini memmbicarakan aspek pemindahan maklumat melalui teks yang menjuruskan kepada dimensi, teknik, instumen dan analisis teks.
- iv. *“The Discourse Of Popular Culture: How The Malay Youth Interpret The Culture Of Other And Conconstruct Self Identity Discursively”* oleh Mohamad Hasan Khan (2006). Tesis ini membicarakan tentang bagaimana remaja Melayu membina keperabadian mereka dalam era pengajian maklumat berdasarkan wacana.


## 2.4. Sejarah Analisis Wacana Al-Quran

Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa standard Arab *Fusha*, memiliki ciri-ciri “*mu‘jizat ma‘nawiyat*” sama ada dalam aspek lafaz mahupun makna, fasahah mahupun balaghah. Bahasa yang digunakan dalam al-Quran bukan rekaan manusia. Ia merupakan kalam Allah yang terlalu agung untuk dibandingkan dengan bahasa manusia yang menjadi hamba kepadaNya. Wacana bahasa al-Quran mempunyai makna yang tersurat dan tersirat, dan ia hanya boleh difahami dengan mempelajari bahasa Arab sehingga sampai ke satu tahap sehingga dapat mentafsirkannya ke dalam bahasa ibunda.

Walaupun sejarah analisis wacana sebagaimana yang diperkatakan oleh kebanyakan ahli linguistik dewasa ini, namun dalam konteks al-Quran istilah *tafsir* digunakan. Ini adalah memandangkan sejarah pentafsiran ayat-ayat al-Quran adalah suatu sejarah yang lama, di mana ia semenjak ia diturunkan lagi. Rasulullah s.a.w sendiri menyampaikan ajaran Islam dan syariat dengan mendapat wahyu daripada Allah s.w.t, hinggakan segala kata, perbuatan (perlakuan) dan pengakuan dikira sebagai *Hadith*. *Hadith* adalah tafsiran kepada kandungan al-Quran yang disampaikan secara samar mengikut keperluan dan peristiwa yang berlaku. Minat para sahabat untuk mamahami isi kandungan al-Quran sangat besar. Walaupun mereka merupakan penutur asal bahasa Arab, terdapat beberapa ungkapan ayat-ayat yang tidak mereka fahami. Justeru, Rasulullah menjadi rujukan kepada pertanyaan para sahabatnya. (Fazl al-Rahman, 1984: 31 – 50).

Para ulama membahagikan tafsir kepada empat bentuk ataupun metode iaitu : “*metode tahli:liyy, Ijma:liyy, Muqa:rin, dan Maudu:‘iyy*”. (‘Abd. Haiyy al-Farmawiyy,

1977: 23). Di antara metode-metode pentafsiran di atas, metode *Tahliliyy* merupakan metode yang menyoroti ayat-ayat al-Quran dengan memaparkan segala makna dan aspek yang terkandung di dalamnya sesuai dengan urutan bacaan yang terdapat dalam al-Qu'ran Mushaf 'Uthma:niyy. (Za:hir Ibn 'Awa:d al-Alma 'iyy, 1984:18).



**Gambarajah 7: Metode Analisis Tafsir al-Quran**

#### **2.4.1. Metode Tahli:liyy**

Perkataan *Tahli:liyy* berasal dari bahasa Arab dari segi bahasa di ambil dari kata kerja “*hallala*”, “*Yuhallilu*” dan “*Tahli:lan*” yang bererti “menghurai dan menganalisis”. (Muhammmad Baqi:r al-Sadr , t.t. 7 – 10) ada menyebutkan bahawa tafsir *tahliliyy* ini dengan tafsir *Tajzi`iyy* yang secara harfiahnya bererti “*tafsir yang menghuraikan ayat-ayat al-Quran berdasarkan bahagian-bahagian*” Oleh itu perkataan *Tahli:liyy* adalah bersesuaian dengan perkataan *analisis*. Yang membezakannya adalah perkataan yang digunakan, tetapi memberi maksud yang sama. Manakala wacana adalah suatu yang luas pengertiannya sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.

Apabila dibandingkan dengan metode tafsir yang lain, metode *tahli:liyy* atau *tazji'iyy* adalah yang paling tua dan lama diguna pakai oleh para mufassirin di kalangan sahabat dan tabi'in. Mengikut para ulama tafsir, perlu adanya tafsir yang mencakupi seluruh isi al-Quran. Justeru, pada akhir abad ketiga dan awal abad ke 4 Hijrah (bersamaan 10 Masihi) ahli-ahli tafsir seperti Ibn Ma:jah, al-Tabariyy dan lain-lain mengkaji keseluruhan isi al-Quran dan membuat model-model dan rumusan yang amat berguna untuk ulama selepas daripada mereka. (Muhammad Ba:qir al-Sadr, t.t.: 10).


Dalam melakukan penafsiran, para mufassiri:n memberikan perhatian sepenuhnya kepada semua aspek yang terkandung dalam ayat yang ditafsirkan dengan tujuan menghasilkan makna yang benar dan tepat. Aspek-aspek berikut diberikan perhatian dalam membuat analisis tafsiran ayat-ayat al-Quran, iaitu:

- (a) Menerangkan hubungan (kesamaan) baik antara satu ayat dengan ayat yang lain mahupun antara satu surah dengan surah yang lain. Contohnya, dalam menafsirkan awal surah A:I 'Imra:n. Apabila mufassir menulis tafsirnya secara sempurna mulai dari surah al-Fa:tihat dan seterusnya, maka ketika ia memulakan tafsiran surah A:l 'Imra:n, ia akan menjelaskan hubungan (kesamaan) antara surah al-Baqarat dengan surah A:l 'Imra:n.
- (b) Menjelaskan sebab-sebab penurunan al-Quran (*Asba:b al-Nuzu:l*).
- (c) Menganalisis kosakata dan lafaz-lafaz dari aspek bahasa Arab. Kadangkala mereka menukulkan bait-bait syair yang berkembang sebelum dan pada masanya.

- (d) Memaparkan kandungan ayat secara umum dan memberikan maksudnya.
- (e) Menerangkan unsur-unsur *fasa:hat*, *baya:n*, dan *I'ja:z*, terutamanya apabila ayat-ayat tersebut mengandungi ciri-ciri *bala:ghat* tertentu.
- (f) Menjelaskan hukum yang dapat dicungkil dari ayat serta dibuat perbahasan, terutamanya apabila melibatkan ayat-ayat *Ahka:m*, iaitu yang berhubungan dengan persoalan hukum syariat.
- (g) Menerangkan makna dan maksud *syara'* yang terkandung dalam ayat yang bersangkutan. Sebagai sandarannya, mufassir mengambil manfaat daripada ayat-ayat lain, Hadith Nabi (s.a.w) pendapat para sahabat dan tabi'i:n di samping ijtihad mufassir sendiri.

Aspek-aspek yang menjadi pokok pembahasan dalam *tafsi:r tahlil:iyy* sangat luas dan menyeluruh. Di antara karya-karya tafsir yang dihasilkan dengan menggunakan metode tafsir tahliliyy ini ialah seperti kitab tafsir karya al-Alu:siyy, Fakhr al-Di:n al-Ra:ziyy, dan Ibn Jari:r al-Tabariyy. Ada di antaranya dibahaskan secara ringkas seperti kitab *Tafsi:r al-Jala:layn karya Jala:l al-Ddi:n al-Sayu:tiyy dan Jala:l al-Ddi:n al-Mahalliyy*, dan kitab tafsir yang ditulis oleh Muhammad Fari:d Wajdi. (Aliyy Hasan al-Ari:d, 1992: 48).

Gambarajah di bawah menggambarkan situasi ini dengan pembahagian metode tahliliyy yang banyak diguna pakai oleh kebanyakan mufassirin.



**Gambarajah 8: Pembahagian Metode Analisis “Tahliliyy”**

Dalam gambarajah di atas, menunjukkan pembahagian metode analisis “tahliliyy” mengikut ‘Abd al- Haiyy al-Farmawiyy, (1977: 24). Pembahagian ini berdasarkan kandungan isi dan maklumat atau informasi yang terkandung dalam al-Quran.

**(a) Al-Tafsir Bi al-Ma’thur.**

Ia bermaksud penafsiran dengan menggunakan riwayat sebagai sumber pokoknya. Tafsir jenis ini dinamakan juga *al-Tafsir bi al-Riwayaṭ* atau *al-Tafsir Bi al-Manqu:l*. Penafsiran jenis ini dapat dibahagikan kepada empat bentuk, iaitu:

**i. Penafsiran ayat al-Quran dengan ayat yang lain.**

Menurut para ahli tafsir, ia dilakukan dengan empat cara,

*Pertama*, ayat atau ayat-ayat yang lain mempunyai hubungkait dengan ayat-ayat sesudahnya seperti perkataan “*al-Muttaqi:n*” (orang-orang yang bertaqwa) yang

disebutkan dalam ayat 1 surah al-Baqarat dinyatakan pada ayat-ayat sesudahnya iaitu ayat 3 hingga 5 yang mengatakan:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ  
﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ  
وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾ أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ  
هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: “Iaitu orang-orang yang beriman dengan perkara-perkara yang ghaib, mendirikan sembahyang dan membelanjakan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka, dan mereka beriman dengan Kitab al-Quran yang diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelum kamu, serta mereka percaya akan adanya kehidupan di akhirat. Mereka itulah yang telah mendapat petunjuk dari Tuhannya, dan merekalah orang-orang mendapat kemenangan (beruntung).”

*Kedua*, terdapat beberapa maklumat tertentu, contohnya perkhabaran cerita mengenai Nabi Musa a.s. , pada surah tertentu diungkapkan secara ringkas, sementara pada surah yang lain dinyatakan secara panjang lebar. Dalam hal ini, ayat yang panjang lebar menafsirkan ayat-ayat yang ringkas. (Kha:lid ‘Abd al-Rahma:n, 1986: 115).

*Ketiga*, ayat-ayat yang *mujmal* ditafsirkan oleh ayat-ayat yang *mubayyan*, ayat-ayat yang *mutlaq* ditafsirkan oleh ayat-ayat yang *muqayyad*, dan ayat-ayat yang ‘*am* ditafsirkan oleh ayat-ayat yang *khas*.

*Keempat*, Kadang-kadang maklumat yang yang terkandung dalam satu ayat jelas berbeza dengan maklumat pada ayat-ayat yang lain. Penafsiran ayat-ayat ini dilakukan dengan menkrompomikan pengertian-pengertian tersebut.

Contoh seterusnya seperti firman Allah dalam surah al-Dukhkhan ayat 3:

{ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ مُبَارَكَةٍ }

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Qur’an pada malam yang penuh berkat”

Ditafsirkan dengan firman Allah dalam surah al-Qadr, ayat 1:

{ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ }

Maksudnya: “ Sesungguhnya Kami telah menurunkannya al-Qur’an pada malam qadar”.

## ii. Penafsiran ayat al-Quran dengan Hadith Nabi s.a.w.

Di samping menafsirkan al-Qur’an dengan al-Qur’an, kuasa untuk menjelaskan makna dan maksud ayat-ayat al-Quran terletak di tangan Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu segala percakapan, perbuatan dan pengakuannya dijadikan sebagai bahan penting untuk menafsirkan ayat-ayat al-Quran. Ini dapat dibuktikan dengan akhlak nabi yang disebut sebagai akhlak al-Qur’an sebagaimana jawapan yang diberikan oleh saidatina Aishah mengenai sifat dan akhlak nabi: كَانَ خُحُّهُ الْقُرْآنَ maksudnya: “ Adalah akhlak nabi itu al-Qur’an” Ini membawa maksud segala percakapan dan perlakuan nabi adalah seperti al-Qur’an.

Antara contoh penafsiran al-Qur’an dengan hadith ialah seperti firman Allah dalam surah al-An’a:m ayat 82:

{ الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ }



Maksudnya: “ *Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan syirik, mereka itulah orang-orang yang mendapat rasa aman dan mereka mendapat petunjuk*”

Rasulullah s,a.w menafsirkan perkataan **بِظُلْمٍ** dengan **الشِّرْكَ**. Penafsiran seperti ini

diasaskan kepada firman Allah dalam surah Luqman, ayat 13:

{ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ }

Maksudnya: “ Sesungguhnya amalan syirik (mempersekutukan Allah itu) adalah kezaliman yang amat besar.

Begitu juga dengan firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 238:

{ حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَى }

Maksudnya: “ Peliharalah segala sembahyang dan sembahyang yang pilihan (pertengahan).

Rasulullah s.a.w mentafsirkan **الصَّلَاةِ الْوُسْطَى** dengan solat Asar.

### iii. Penafsiran ayat-ayat al-Quran dengan pendapat para sahabat.

Para ulama berpendapat bahawa setelah kewafatan Rasulullah, orang yang paling memahami al-Quran adalah generasi sahabat, kerana mereka hidup pada masa al-Qur'an diturunkan. Di samping itu mereka banyak bergaul dengan Nabi serta mengetahui konteks sosial ketika al-Qur'an diturunkan. Justeru, pendapat para sahabat dijadikan sebagai

bahan rujukan oleh para ulamak tafsir. Sebagai contoh penafsiran al-Qur'an yang diberikan oleh Ibn 'Abbas yang banyak dijadikan rujukan oleh para mufassirin di kalangan sahabat dan para tabi'in. Ibn 'Abbas terkenal dengan seorang sahabat yang pintar dalam membuat tafsiran ayat-ayat al-Qur'an. Di masa kecilnya, baginda Rasulullah s.a.w pernah mendoakan semoga beliau diberi kefahaman yang mendalam dalam soal keagamaan sepertimana doa nabi untuknya: *اللَّهُمَّ فَفِّهْهُ فِي الدِّينِ وَعَلِّمَهُ التَّوِيلَ* , Maksudnya:

*“ Ya Allah berilah kefahaman yang mendalam kepadanya dan ajarkanlah kepadanya ta'wi: (tafsir)”*

Imam al-Hakim berkata sesungguhnya tafsir para sahabat yang telah menyaksikan penurunan wahyu, memiliki hulum marfu'. Ertinya tafsir para sahabat itu mempunyai kedudukan yang sama dengan hadith nabawi. Dengan demikian tafsir para sahabat dikategorikan sebagai al-Tafsi:r Bi al-Ma'thu:r. Contohnya penafsiran yang diberikan oleh Ibn 'Abba:s pada potongan firman Allah dalam surah Yusof , ayat 88:

{ وَجِئْنَا بِبِضَاعَةٍ مُّزْجَاةٍ }

Maksudnya: “ Dan Kamui tidak membawa barang-barang yang tidak berharga”

Ibn 'Abbas menafsirkan *بِضَاعَةٍ مُّزْجَاةٍ* dengan barang-barang yang tidak bernilai atau wang dirham yang lama lagi tidak elok.

#### **iv. Penafsiran ayat al-Quran dengan pendapat para tabi'in.**

Para tabi'in adalah mereka yang paling rapat dengan generasi sahabat. Banyak pendapat di kalangan mereka yang dijadikan rujukan dalam penafsiran al-Quran

sebelum ianya dibukukan. ('Abd. Hayy al-Farmawiyy. 1977: 25). Di antara kitab-kitab tafsir yang dapat dikategorikan dalam jenis ini ialah Ja:mi' al-Baya:n Fi Tafsir al-Qur'a:n al-Kari:m karya Ibn Jari:r al-Tabariyy dan Ma'a:lim al-Tanzi:l karya al-Baghawiyy. (M. Quraish Shihab, 1999, 176).

Sebagai contoh tafsir para Tabi'in ialah pada firman Allah dalam surah Yusuf potongan ayat 88:

{فَأَوْفِ لَنَا الْكَيْلَ وَتَصَدَّقْ عَلَيْنَا}

Maksudnya: “ Maka penuhilah segantang gandum untuk kami dan bersedekahkanlah kepada kami”

Sa'id Ibn Jubaiyr di kalangan tabi'in menafsirkan hendaklah kamu (Yusuf) bersedekahkan kepada kami dengan mengambil barang-barang yang tidak bernilai.

Manakala Ibn Juraiyy menafsirkan وَتَصَدَّقْ عَلَيْنَا dengan mengembalikan saudara kami iaitu Bunyamin ke pangkuan keluarga kami.

**(b) al-Tafsir Bi al-Ra'y.**

Metode penafsiran cara ini adalah berdasarkan rasional dengan menggunakan ijtihad atau dinamakan juga dengan *al-Tafsir al-Ijtihadiyy*. Ia didasarkan kepada hasil pemikiran seorang mufassir. Sebagai contoh penggunaan cara ini ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Subhi: Sa:leh, (1977: 292), dalam menafsirkan ayat 24 surah Muhammad:

أَفَلَا يَتَذَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Apakah mereka tidak memerhatikan al-Quran, ataukah hati mereka telah terkunci.”

Dan firman Allah dalam surah al-Sad, ayat 29:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Inilah dia kitab al-Quran yang kami turunkannya kepadamu, penuh dengan keberkatan, agar mereka dapat memerhatikan ayat-ayatnya dan orang-orang yang mempunyai akal fikiran dapat memperoleh pengajaran daripadanya.”

Tafsi:r Bi al-Ra’yi terbahagi kepada dua jenis. Iaitu Tafsir al-Mahmu:d dan Tafsir al-Madhmu:m. Tafsir al-Mahmu:d adalah penafsiran oleh mereka yang benar-benar mengetahui tentang kaedah-kaedah bahasa, memahami uslubnya serta menguasai hukum-hukum syarak. Manakala tafsir al-Madhmu:m adalah pentafsiran yang berdasarkan nafsu kemahuan sendiri yang dibina atas kejahilan dan kesesatan. (M.S Hafid Masyuri, 2002: 233).

Sebagai contoh, firman Allah dalam surah al-Isra’:, ayat 71:

{يَوْمَ نَدْعُوا كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمَامِهِمْ}

Maksudnya: Pada hari Kiamat, Kami akan memanggil tiap-tiap manusia dengan imamnya (pemimpinnya).

Perkataan **إِمَامٍ** yang tersebut dalam ayat di atas ditafsirkan oleh golongan ini dengan **أُمَّهَاتٍ** (ibu-ibu). Mereka mngira bahawa perkataan **إِمَامٍ** merupakan bentuk jamak dari perkataan **أُمٌّ** . Pendapat dan anggapan ini bertentangan dengan kaedah bahasa Arab kerana bentuk jamak **أُمَّهَاتٍ** adalah **أُمَّهَاتٍ**.

Dalam menggunakan penafsiran cara ini, para ulama telah menetapkan beberapa syarat yang ketat supaya tidak berlaku penyelewengan penafsiran tafsiran ayat-ayat al-Quran. Antaranya seseorang mufassir itu harus memenuhi syarat-syarat di bawah:

- i. Memiliki pengetahuan yang mendalam tentang bahasa Arab.
- ii. Menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran seperti hadis dan usul fiqh.
- iii. Memiliki akidah yang benar dan bertepatan dengan Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah.
- iv. Mengetahui prinsip-prinsip pokok agama Islam.
- v. Menguasai ilmu yang berhubungan dengan pokok bahasan ayat yang ditafsirkan.

Tanpa syarat-syarat ini boleh menyebabkan tafsiran menjadi salah dan menyeleweng dari maksud asalnya. (M. Quraish Shiha:b, 1992: 79).

( c ) **Al-Tafsi:r al-Fiqhiyy**

Tafsir jenis ini memberi penekanan kepada hukum-hukum fiqah, dan tidak hairanlah tafsir cara ini lebih berbentuk huraian yang panjang lebar ketika menafsirkan apa yang disebut *Ayat al-Ahka:m* (ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan persoalan hukum-hakam) Di antara kitab-kitab tafsir corak ini adalah *Ahka:m al-Qur'a:n* karya Abu Bakr Ahmad Ibn 'Aliyy al-Ra:ziyy, *Ahka:m al-Qur'a:n* karya Ibn al-'Arabiyy, *Ru:h al-Ma'a:niy* karya al-Alu:siyy dan *al-Tafsi:r al-Kabi:r* karya Fakhr al-Di:n al-Ra:ziyy. (M. Quraish Shiha:b, 1992: 80 - 82).

Contoh tafsir jenis ini ialah seperti firman Allah dalam surah Yunus ayat 59:

{ قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ رِزْقٍ فَجَعَلْتُمْ مِنْهُ حَرَامًا وَحَلَالًا }

Maksudnya:”Katakanlah! Terangkan kepadaku apa yang diturunkan Allah kepada kamu dari(tentang) rezeki lalu kamu jadikan daripadanya haram dan halal”.

Fakhruddi:n al-Ra:ziyy dalam tafsirnya “al-Tafsi:r al-Kabi:r (1938, 120) menyebutkan bahawa mereka yang mengingkari dan melanggar perintah Allah menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan mengharamkan apa yang dihalalkan Allah. Ini merujuk kepada firman Allah dalam ayat 103 surah al-Ma:idah yang bermaksud:

“ Allah tidak pernah mensyariatkan adanya Bahirah (unta betina yang beranak lima kalidan anak yang ke lima itu jantan, lalu unta betina itu dibelah telinganya dan dilepaskan dan tidak boleh ditunggangi lagi dan tidak boleh diambil susunya), Sa:'ibah (unta betina yang dibiarkan ke mana sahaja lantaran sesuatu nazar), Wasilah (seekor domba betina yang melahirkan anak kembar yang terdiri dari jantan dan betina dan tidak boleh disembelih, lalu diserahkan kepada berhala) dan ha:m (unta jantan yang tidak boleh diganggu kerana telah dapat membuntingkan unta betina sebanyak sepuluh

*kali, tetapi orang-orang kafir membuat-buat kedustaan terhadap Allah dan kebanyakan mereka tidak mengerti”*

(Perlakuan terhadap Bahi:rat, sa:’ibat, wasilat dan ha:m ini adalah kepercayaan masyarakat Arab Jahiliyah.

**(d) Al-Tafsi:r al-Su:fiyy**

Tafsir jenis ini dihasilkan oleh para ahli sufi sesuai dengan pembahasan ilmu tasawuf. Ia terbagi kepada dua bentuk yaitu *al-Tafsi:r al-Sufiyy al-Nazariyy* dan *al-Tafsi:r al-Isya:riyy*. Di antara kitab-kitab tafsir yang digolongkan dalam tafsir sufi adalah *al-Tafsir al-Qur’an al-‘Azi:m* karya Abu Muhammad Sahal Ibn ‘Abd Allah Ibn Yu:nus Ibn ‘I:sa Ibn ‘Abd Allah al-Tustu:riyy, *al-Baya:n Fi: Haqa:’iq al-Qur’an* karya Abu Muhammad Ruzbahan Ibn Abi al-Nasr al-Baqliyy al-Syira:ziyy dan *Haqa:’iq al-Tafsi:r* karya Abu ‘Abd al-Rahma:n Muhammad Ibn al-Husaiyn Ibn Mu:sa: al-Azdiyy al-Salmiyy. (M. Quraish Shiha:b, 1992: 79).

Contoh tafsir jenis ini adalah seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 269:

{يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا}

Maksudnya: “ *Dia (Allah) memberikan hikmah kepada sesiapa yang Dia kehendaki, barangsiapa diberikan hikmah, sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang banyak”*

Dalam kitab *al-Tafsi:r al-Su:fiyy Li al-Qur’a:n* karangan Abu al-Ma’a:liyy (1969, 82) beliau menyebutkan bahawa hikmah adalah tingkatan tertinggi bagi kesucian dan

kemurnian jiwa dan mereka yang diberikan hikmah adalah telah dapat melewati dari segala dosa dan Berjaya mencapai kepada cahaya malakut.

**(e) Al-Tafsi:r al-Falsafiyy**

Tafsir jenis ini membahaskan persoalan falsafah, sama ada yang menerima pemikiran-pemikiran falsafah Yunani seperti Ibn Sina dan al-Faraa:biyy mahupun yang menolak pemikiran-pemikiran tersebut seperti al-Ghaza:liyy. Mereka hanya menafsirkan ayat-ayat tertentu dalam al-Quran yang berhubungan dengan teori-teori falsafah. (Muhammad Husain al-Dhahabiyy, 1976: 424). Antara ahli falsafah Islam yang menolak pemikiran-pemikiran falsafah Yunani seperti al-Ghaza:liyy dan Fakhr al-Di:n al-Raziyy. Al-Ra:ziyy umpamanya telah menulis kitab tafsir yang dikenali dengan *Mafa:tih al-Ghaiyb*. ('Abd. Hayy al-Farmawiyy, 1977: 34 – 35).

Contoh tafsir jenis ini ialah Jawa:hir al-Qur'a:n karangan al-Ghaza:liy (1977, 52) yang menyebutkan bahawa jalan taqwa dan hidayah boleh dicapai dengan jalan mujahadah seperti firman Allah dalam surah al-Ankabut ayat 69:

{ وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا }

Maksudnya: “ Dan orang-orang yang berjihad (untuk mencari keredhaan Kami) Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan kami.

**(f) Al-Tafsi:r al-‘Imiyy**

Tafsir jenis ini merupakan penafsiran al-Quran yang berhubungan dengan ilmu sains. Ayat-ayat yang ditafsirkan adalah bersifat *al-A:ayat al-Kawniyyat* (ayat-ayat



berkenaan dengan kejadian alam). Teori-teori sains digunakan untuk mengungkap hubungan ayat-ayat tersebut di dalam al-Quran dengan beberapa penemuan-penemuan ilmiah yang bertujuan untuk memperlihatkan kemukjizatan al-Quran. (Fahd ‘Abd al-Rahma:n,1986: 549).

Di antara kitab tafsir yang digolongkan dalam tafsir jenis ini adalah *Jawa:hir al-Qur’a:n* karya Imam al-Ghazaliyy, *Sunan Allah al-Kawniyyat* karya Muhammad Ahmad al-Ghamrawiyy dan *al-Qur’a:n Wa al-‘Ilm al-Hadith* karya ‘Abd al-Razzaq Naufal.

Sayyed Qutb dalam tafsirnya *Fi Zila:l al-Qur’a:n* mengupas aspek penciptaan langit dan bumi melalui *al-A:yat al-Kawniyyat* dalam surah-surah al-Qur’an seperti yang terdapat dalam juzuk ketiga puluh. Tafsiran beliau merentasi batasan tafsiran atau dengan kata lain ianya menyentuh pelbagai aspek seperti sains, kemasyarakatan, ekonomi, politik dan sebagainya. Tafsir beliau boleh juga dikategorikan dalam tafsir yang berorientasikan sains kemasyarakatan.

Begitu juga dengan Sa’i:d Hawa: (1985, 2779) dalam tafsirnya “al-Asa:s Fi al-Tafsi:r” menghuraikan aspek sains tentang kejadian langit dan bumi seperti firman Allah dalam surah al-Ra’d, potongan ayat 3:

{ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ }

Maksudnya: “Dan (Allah) menjadikan padanya gunung-ganang”

Beliau menyatakan sekiranya Allah tidak menjadikan gunung-ganang serta bukit-bukau di bumi ini nescaya segala kehidupan tidak boleh hidup akibat dari kegoncangan hebat

bumi disebabkan tiada pasak yang menahan dari kegoncangan. Para saintis dan ahli kajibumi dan geologi mengakui fenomena ini.

**(g) Tafsi:r al-Adab al-Ijtima'iy**

Tafsir jenis ini merupakan suatu cabang tafsir yang baru muncul pada zaman moden. ('Abd Hayy al-Farma:wiyy, 1977: 41). Menurut Muhammad Husaiyn al-Dhahabiyy tafsir jenis ini menjelaskan ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan ketelitian ungkapan yang disusun dengan penggunaan bahasa yang indah, dengan menekankan tujuan pokok ia al-Qur'an diturunkan dan mengimplikasinya dengan kehidupan sosial seperti permasalahan umat Islam dan manusia pada umumnya sejajar dengan perkembangan masyarakat.( Muhammad Husain al-Dhahabiyy,1976: 547). Antara kitab tafsir yang dikategorikan dalam jenis ini adalah seperti *al-Mana:r* karya Muhammad 'Abduh, *Tafsir al-Qur'a:n* karya al-Mara:ghiyy, *Tafsi:r al-Qur'a:n al-'Azi:m* karya Mahmu:d Syaltu:t dan *Tafsi:r al-Wa:dih* karya Muhammad Mahmu:d Baht al-Hijaziyy. ('Abd Hayy al-Farmawiy, 1977: 42).

Contoh tafsir ini ialah tafsiran yang diberikan oleh Muhammad 'Abduh dalam kitabnya *Tafsi:r al-Mana:r* (t.t. 187) mengenai firman Allah dalam surah Aal: 'Imra:n potongan ayat 154:

{قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ}

Maksudnya: “ *Katakanlah (Muhammad) Sesungguhnya segala urusan itu di tangan Allah*”

Muhammad ‘Abduh menyatakan bahawa segala urusan itu ialah setiap perkara yang berlaku dan terjadi mengikut sunnah Allah pada setiap kejadiannya.

#### **2.4.2. Metode Ijmaliyy (Metode secara keseluruhan)**

Metode yang digunakan dalam penafsiran jenis ini adalah dengan menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan cara dan sifat yang menyeluruh. Dengan menggunakan metode ini huraian-huraian ayat dijelaskan dengan terperinci dan ianya dapat memberi kemudahan kepada pembaca untuk memahaminya. Di samping itu ia juga menyajikan sebab-sebab penurunan al-Quran *Asbab al-Nuzul* dengan cara meneliti hadith-hadith Nabi (s.a.w) yang berhubungan dengannya. (Abd Hayy al-Farmawiyy, 1977: 43 – 44). Antara karya yang dihasilkan seperti *Tafsi:r al-Qur’a:n al-Kari:m* oleh Muhammad Fari:d Wajdiy, iaitu salah seorang mufassir dari Mesir dan *al-Wa:sit* hasil penulisan Majma‘ al-Buhu:th al-Islamiyyat.

#### **2.4.3. Metode Al-Tafsi:r al-Muqa:rin (Metode Komparatif)**

Bersesuaian dengan nama metode penafsiran komparatif (perbandingan) perbandingan ayat-ayat al-Quran dibuat dengan berpandukan al-Quran, Hadith dan tafsiran para ulamak. Sebagai contoh dapat diperhatikan pada ayat berikut:

قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ ۗ

Maksudnya: “Katakanlah: *Sesungguhnya petunjuk Allah itulah (yang sebenarnya) petunjuk*” (surah al-Baqarah. 120)

Perbandingan yang terdapat dalam ayat di atas ialah perbezaan pada susun letak perkataan “*Huda*” dan “*al-Huda*”.

Begitu juga dengan ayat 80 , surah al-Baqarat:

وَقَالُوا لَنْ تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَّعْدُودَةً

Maksudnya: “*Mereka berkata: Kami sekali-kali tidak akan dijamah oleh api neraka, kecuali beberapa hari sahaja.*”

Dan ayat 24, surah Alu ‘Imran:

قَالُوا لَنْ تَمَسَّنَا النَّارُ إِلَّا أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ

Maksudnya: “ *Mereka berkata: Kami sekali-kali tidak akan dijamah oleh api neraka, kecuali selama beberapa hari yang dapat dihitung.*”

Dalam dua ayat di atas terdapat perbezaan pada bentuk kata jamak dan bentuk mufrad (tunggal). Di samping itu terdapat beberapa perbezaan yang lain seperti pengurangan dan penambahan huruf, pengawalan dan pengakhiran, perbezaan nakirat (indefinite) dan ma’rifat (definite) dan penggunaan kosa kata.

#### **2.4.4. Metode Al-Tafsi:r al-Maudu:‘iyy**

Metode *al-Tafsi:r al-Maudu:‘iyy* dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:

2.4.4.1 Tafsir yang membahas satu surah secara menyeluruh, memperkenalkan dan menjelaskan maksud-maksud umum dan khusus dengan cara menghubungkan antara ayat dengan ayat yang lain.(Za:hir Ibn ‘Awa:d al-Alma‘iy, 1984: 7).

Menurut M Quraish Shihab (1992: 28) pada kebiasaannya sesuatu pengajaran atau pesanan sesuatu surah itu diisyaratkan dengan nama surah berkenaan, sebagai contoh surah al-Kahf, yang bererti gua. Gua ini dijadikan tempat berlindung sekumpulan pemuda yang beriman yang lari dari kekejaman penguasa di masa itu. Di antara kitab tafsir jenis ini seperti *al-Tafsi:r al-Wa:dih karya Muhammad Mahmu:d al-Hija:zi dan Nahw tafsi:r Mawdu:’iy Li Suwar al-Qur’a:n al-Kari:m* karya Muhammad al-Ghazaliyy.

2.4.4.2 Tafsir yang menghimpun dan menyusun ayat-ayat al-Quran yang memiliki kesamaan arah adan tujuan (tema), kemudian diberikan penjelasan dan kesimpulan di bawah satu bahasan tema yang tertentu. (Muhammad al-Ghazaliyy, 1992: 5 – 6).

Melalui kajian seperti ini, para mufassir menetapkan beberapa tema yang tertentu yang berkaitan dengan kehidupan. Kebelakangan ini terdapat berbagai bentuk kitab tafsir mawdu:’iy yang dihasilkan oleh para mufassir terutamanya dari kalangan ulamak Mesir seperti *:Al-Mar’at fi: al-Qur’a:n al-Kari:m* (Wanita dalam Perpektif al-Quran) , *Al-Insa:n fi: al-Qur’a:n al-Kari:m* (Manusia dalam al-Quran), karya ‘Abba:s Mahmu:d al-‘Aqqa:d, dan *al-Riba: fi: al-Qur’a:n al-Karim* (Riba mengikut Perpektif Islam) karya Abu: al-A‘la: al-Maudu:diyy.

## 2.5. Penutup

Sebagai kesimpulannya, sejarah dan perkembangan wacana telah melalui tempoh masa yang amat panjang. Dalam perjalanan yang panjang inilah, wacana berkembang dan kemudiannya dibuat kajian dan analisis. Berdasarkan definisi wacana, sejarah dan perkembangan wacana boleh dikatakan bermula sejak awal manusia dijadikan. Manusia adalah makhluk yang mampu bertutur dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa dan disiplin keilmuan dan kewacanaan. Manusia boleh menghasilkan karya-karya dalam segenap lapangan dan kerjaya. Melalui komunikasi (pertuturan, perbualan, perbahasan, deklamasi, pidato dan sebagainya) dan karya yang dihasilkan, terhasillah apa yang dinamakan wacana. Tentang bagaimana, cara, tajuk, gaya wacana itu disampaikan terserah kepada penutur sesuatu bahasa itu sendiri.

Daripada wacana, manusia boleh membuat berbagai kajian dan huraian. Daripada kajian dan huraian terbinalah apa yang dikatakan sebagai analisis wacana. Analisis wacana boleh dilakukan terhadap sebarang teks sama ada ianya tulisan mahupun lisan. Dalam konteks kajian tesis ini, al-Quran yang merupakan suatu teks yang teristimewa, merupakan percakapan (*Kalam*) yang penuh dengan keindahan bahasa yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pendita atau sasterawan sama ada di kalangan jin ataupun manusia.

Analisis wacana teks al-Qur'an memerlukan kepada penelitian yang mendalam di samping kefahaman terhadap teks yang akan dianalisa dan dihuraikan. Analisis wacana boleh dibuat dalam pelbagai bidang dan lapangan, antaranya tentang tata bahasa, morfologi, sastera, peradaban dan sebagainya. Dalam hubungan ini, analisis wacana cerita adalah suatu kajian yang tidak menyimpang dari hakikat sebenar kajian wacana.